

Headline	FAMA sasar anjur 400 program jualan dari ladang		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	07 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	231,329
Page No	65	Readership	693,987
Language	Malay	ArticleSize	164 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,662
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,987



FAMA sasar anjur 400 program jualan dari ladang

KUANTAN 6 April - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan sebanyak RM3 juta menerusi program Jualan Terus Dari Ladang pada tahun ini.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak berkata, sasaran itu melibatkan 400 program berkenaan di pelbagai lokasi di seluruh negara.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu memanfaatkan peserta yang dapat membuat jualan terus kepada pengguna seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

"Setakat ini, kita sudah mengadakan lebih 100 program jualan ini atau 20 peratus

daripada sasaran yang ditetapkan," katanya selepas merasmikan Jelajah Promosi Jualan Terus Dari Ladang peringkat negeri di sebuah pusat beli-belah, di sini hari ini.

Menurut Ahmad, selain memberi manfaat kepada usahawan tani, program Jualan Terus Dari Ladang membolehkan pengguna membeli sayur-sayuran dan buah-buahan terus dari ladang yang segar dan berkualiti.

Katanya, program itu juga menawarkan jualan pada harga istimewa antara lima peratus hingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran semasa.



AHMAD ISHAK (tengah) mengumumkan jualan *happy hour* produk segar pertanian dalam program Jelajah Promosi Jualan Terus Dari Ladang peringkat negeri di Kuantan, Pahang, semalam. - MINGGUAN/MOHD. SHARIZA ABDULLAH